

# Kabul ibu negara dunia CL

Puluhan ribu rakyat Afghanistan dijangkiti wabak gigitan lalat pasir yang menyebabkan luka pada kulit dan meninggalkan kesan kudis yang teruk.



Oleh KHADIJAH MOHAMAD NOR  
khadijah.mohamadnor@kosmo.com.my

**S**AMBIL duduk bertinggung di bawah sepon pokok, Abdul Rauf Karzai, 63, menanti dengan sabar untuk mendapatkan rawatan di sebuah klinik awam di Kabul, Afghanistan.

Kelihatan kedua-dua belah tangan lelaki berkopiah itu dipenuhi lubang-lubang luka. Sekali pandang ia memang menakutkan. Tetapi, itulah penyakit *cutaneous leishmaniasis* (CL) yang dihidapi oleh lelaki tersebut.

Selain Abdul Rauf, masih ramai lagi individu senasib dengannya menunggu di luar klinik tersebut untuk bertemu doktor yang akan merawat mereka termasuk beberapa kanak-kanak.

Wabak penyakit tropika akibat gigitan lalat pasir atau agas dan menyebabkan luka teruk serta rasa sakit pada kulit itu telah lama melanda Afghanistan. Bahkan, puluhan ribu rakyatnya telah dijangkiti penyakit tersebut.



disebabkan penyakit itu menyebabkan ramai yang enggan merujuk doktor.

Perkara itu mungkin menjadikan jumlah sebenar mangsa yang dijangkiti jauh lebih tinggi daripada statistik yang dikeluarkan WHO.

“Jumlah ini boleh dianggap seperti sebahagian kecil bongkah ais yang dilihat di lautan. Nampak sedikit dari atas tetapi hakikatnya terlalu besar di bahagian bawahnya.

“Begitu juga pada kes-kes yang tidak dilaporkan lantaran rasa malu mencengkam diri,” ujar Graaff sambil menambah seramai 63 orang telah dijangkiti sejak Ogos lalu di sebuah perkampungan kecil di daerah Kohsan di wilayah barat Herat.

## Membiak pantas

Bagaimanapun, sebab kepada jangkitan tersebut tidak diketahui. Sepasukan pegawai WHO telah dihantar ke sana untuk menyasiat punca sebenar penyakit itu.

Lalat pasir membiak bermula dari

Itu adalah sejenis penyakit parasit yang disebarkan oleh lalat pasir betina atau *phlebotomine*.

Serangga sepanjang dua hingga tiga milimeter itu memerlukan darah manusia atau haiwan untuk membolehkannya membiak.

Penyakit itu bagaimanapun boleh dirawat dengan ubat-ubatan dan tidak membahayakan nyawa. Namun, ia akan meninggalkan kudis luka yang parah pada kulit mangsa.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Du-

nia (WHO), penyakit itu mengancam 13 juta penduduk di Afghanistan dan ramai penghidapnya terdiri di kalangan orang miskin kerana mereka tidak mampu membayar rawatan bil perubatan.

Malah, ibu negara Afghanistan, Kabul digelar oleh WHO sebagai ibu negara dunia *cutaneous leishmaniasis* dengan peningkatan kes penyakit tersebut. Dianggarkan sebanyak 17,000 kes penyakit itu dilaporkan setahun pada awal tahun 2000 kepada 65,000

kes pada tahun 2009.

Kebanyakan mangsa terdiri daripada golongan wanita dan kanak-kanak kerana kebanyakan mereka tinggal di dalam bilik pada waktu malam yang menjadi tempat kegemaran lalat pasir.

Sebaliknya, golongan lelaki pula akan berada di luar rumah untuk bekerja dan mencari rezeki bagi menampung kehidupan berkeluarga.

Wakil WHO ke Afghanistan, Peter Graaff berkata, stigma dan perasaan malu yang timbul dalam diri mangsa

bulan Jun hingga September. Walaupun penggunaan kelambu dapat menghalang daripada digigit serangga kecil itu, tetapi ia tetap dapat membiak dengan pantas dalam keadaan yang kotor seperti di kawasan longgokan sampah sarap.

Apabila luka yang menodai kulit semakin membesar, ia menyebabkan muka pesakit menjadi hodoh. Kesannya, ramai mangsa menderita stigma sosial.

“Kos rawatan yang tinggi menyebabkan kami sukar untuk mengintegrasikan ubat antileishmaniasis.

“Penyakit ini menyebabkan ramai rakyat Afghanistan menderita sesuatu yang keterlaluan,” tegas Menteri Kesihatan Awam Afghanistan, Dr. Suraya Dalil sambil menggesa pihak tertentu memberi sumbangan bagi membiayai rawatan mereka yang memerlukan.

Berdasarkan statistik WHO, seramai 12 juta penduduk di seluruh dunia telah dijangkiti wabak tersebut dengan anggaran satu hingga dua juta kes setahun.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan, Dr. Lokman Hakim Sulaiman berkata, walaupun wabak itu telah melanda banyak negara lain di dunia, tetapi Malaysia bebas daripada dijangkiti penyakit tersebut.

### Warga asing

“Setakat ini, penyakit yang disebabkan gigitan lalat pasir itu boleh dikatakan kes terpencil kerana tiada rekod yang menunjukkan rakyat tempatan pernah menghidapnya.

“Cuma, tidak dinafikan bahawa vektor yang membawa penyakit itu tetap ada. Jadi, kita masih perlu berhati-jati terhadap kemungkinan yang akan berlaku disebabkan penyakit itu,” ujar Lokman Hakim ketika dihubungi *Kosmo!*




**PESAKIT** akan diberi rawatan berupa suntikan SSG di bahagian yang berkudis beberapa kali sehingga sembuh.





**KEBANYAKAN** mangsa terdiri daripada kanak-kanak dan wanita kerana mereka tinggal di dalam bilik pada waktu malam yang menjadi tempat kegemaran lalat pasir.



**KANAK-KANAK** ini dibawa oleh bapanya mendapatkan rawatan di salah sebuah klinik di Kabul.

## info



■ Cutaneous leishmaniasis juga dikenali sebagai Aleppo boil, Baghdad boil, Bay sore, Biskra button, Chiclero ulcer, Delhi boil, Kandahar sore dan Lahore sore

■ Ia merupakan jangkitan kulit yang disebabkan oleh sel tunggal parasit yang disebarkan oleh lalat pasir betina

■ Ia memerlukan darah manusia atau haiwan untuk membolehkan teluranya berkembang dan membiak pantas di kawasan yang kotor.

■ Terdapat kira-kira 500 spesies phlebotomine yang diketahui, tetapi hanya 30 telah ditemui untuk menyebarkan penyakit leishmaniasis

■ Di Sudan, sebanyak 60 peratus daripada penghidap CL dapat dirawat


■ CL didiagnosis berdasarkan penampilan karakter luka yang tidak sembuh

■ Bukti untuk rawatan optimum penyakit CL masih belum lengkap. Rawatan yang mungkin berjaya untuk satu spesies leishmania mungkin tidak sesuai untuk spesies yang lain

■ Kos standard bagi rawatan dianggarkan sebanyak AS\$27 (RM84) bagi setiap pesakit yang dirawat dan sembuh

■ CL mengancam kira-kira 350 juta lelaki, wanita dan kanak-kanak di 88 buah negara di seluruh dunia

■ Terdapat beberapa simptom klinikal apabila seseorang itu dijangkiti CL seperti penyakit berkaitan kulit (kutaneus), pembiakan luka pada membran mukus dan kulit (mukokutaneus) dan jangkitan pada organ tubuh (viseral)



**GIGITAN** lalat pasir tidak boleh dipandang ringan.

pertanggungjawabkan untuk mencari jalan ke arah penyelesaian masalah itu.

Berikutan itu arahan telah dikeluarkan supaya kajian-kajian dilaksanakan dan garis panduan dikeluarkan bagi mengatasi masalah ini.

Institut Penyelidikan Perubatan telah diarahkan menjalankan kajian-kajian berkaitan agas dan hasil laporan kajian akan digunakan dan dijadikan rujukan bagi menggariskan kaedah-kaedah kawalan dan pencegahan dalam usaha penyediaan garis panduan oleh Cawangan Penyakit Bawaan Vektor, Kementerian Kesihatan Malaysia.



**LELAKI** ini hanya mampu merenung masa depannya akibat dijangkiti penyakit leishmaniasis cutaneous.

Bagaimanapun, pihaknya ada menerima laporan satu atau dua kes yang melibatkan warga asing yang menghidap penyakit CL tetapi ia tidak begitu serius.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Bahagian Kawalan Penyakit pada tahun 2004, masalah gangguan agas di Malaysia bukanlah satu perkara baru. Serangga itu telah lama diketahui menjadi punca masalah di beberapa kawasan terutama di kawasan pantai, paya, belukar, hutan dan kawasan yang lembab dan berair termasuk kawasan-kawasan tepi sungai.

Para petani, pemancing ikan dan penduduk kampung sudah lali dengan gangguan agas dan menganggapnya sebagai perkara biasa. Di Kuantan, nama Tanjung Agas juga dikaitkan dengan kehadiran agas sejak berkurun yang lampau dan sudah sebatian dengan penduduk di situ.

### Jejas pelancongan

Masalah gangguan agas timbul dan mula menarik perhatian serta menjadi isu besar apabila gangguan agas yang serius berlaku kepada pelancong-pelancong yang berkunjung ke pulau-pulau peranginan di daerah Mersing, Johor sehingga menjejaskan industri pelancongan di kawasan terbabit.

Perkara itu telah dibangkitkan pada mesyuarat Kabinet awal tahun 2002. Pada masa itu, ia menjadi perhatian pelbagai agensi dan kementerian seperti Kementerian Pertanian dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (kini kementerian itu diasingkan kepada dua iaitu Kementerian Pelancongan dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.

Kementerian Kesihatan, pula telah di-

# Dana HNTPO bantu cegah leishmaniasis



KAD rawatan pesakit leishmaniasis di pusat rawatan di Kabul.

MENYEDARI penderitaan yang dialami mangsa wabak *leishmaniasis cutaneous* (CL), sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) HealthNet TPO (HNTPO) tampil membuat kajian mengenai penyakit tersebut.

HNTPO merupakan sebuah NGO dari Belanda yang bertanggungjawab menguruskan pemulihan struktur penjagaan kesihatan di negara tersebut.

Berikutan rayuan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang mendapat publisiti meluas, HNTPO menerima dana untuk mengembangkan kegiatan mencegah dan merawat leishmaniasis di Kabul.

Bermula daripada sebuah klinik, pertubuhan itu kini mempunyai empat pusat kesihatan tetap dan satu klinik bergerak yang menawarkan perkhidmatan di lima lokasi berbeza di sekitar Kabul. Semua klinik itu disediakan khas untuk merawat pesakit CL.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan HNTPO, pada tahun 2003 mereka telah merawat sejumlah 16,390 pesakit CL di sekitar Kabul.

Berdasarkan perangkaan HNTPO dan Ke-

menterian Kesihatan Awam Afghanistan (MoPH), jumlah itu mewakili 75 peratus daripada semua kes-kes CL yang berjaya di rawat di Afghanistan.

"Melalui program ini, pesakit yang mendapat rawatan di pusat tersebut akan dirawat dengan ubat *pentavalen stibogluconate natrium antimonial* (SSG).

"Pesakit akan diberi sama ada suntikan pada kudis di antara dua hingga lima milimeter suntikan setiap lima hingga tujuh hari atau suntikan di otot selama 21 hari berturut-turut," katanya.

Ubat antimonial pentavalen (SbV) merupakan rawatan standard antileishmanial yang dicadangkan oleh WHO.

HNTPO merupakan salah satu pertubuhan NGO kesihatan terbesar di Afghanistan. Pusat itu berkhidmat di negara sejak tahun 1992.

Di Afghanistan, HNTPO bekerjasama dengan lain-lain NGO, MoPH dan masyarakat dalam melaksanakan program-program sokongan penjagaan kesihatan, kawalan penyakit dan penyediaan kesihatan mental.